

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN MALAYSIA AGRICULTURE, HORTICULTURE AND AGROTOURISM
SHOW 1999 (MAHA '99)

TEMPAT: STADIUM PUTRA, KOMPLEK SUKAN NEGARA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 03 JUL 1999

MASA:

Terlebih dahulu saya merakamkan terima kasih kepada pihak penganjur iaitu Kementerian Pertanian, kerana menjemput saya untuk merasmikan Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Show 1999 atau MAHA '99.

2. Sejak merdeka, Kerajaan telah membangun dan memajukan sektor pertanian sehingga dapat menjadikan Malaysia hari ini sebagai pengeluar utama produk-produk minyak kelapa sawit, getah, balak, lada hitam dan koko. Kita telah mencapai kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan serta pengurusan ladang-ladang komersil bagi produk-produk tersebut sehingga Malaysia kini dijadikan pusat rujukan antarabangsa. Kita juga boleh berbangga dengan kemajuan dan prestasi sektor pelancongan yang merupakan sektor kecil perkhidmatan yang penting. Semenjak pelaksanaan program pelancongan di bawah Rancangan Malaysia Keenam, ianya telah berjaya menjadi antara penyumbang utama pendapatan negara. Sektor tersebut telah dapat menarik seramai 5.5 juta pelancong yang membelanja sebanyak RM9.3 bilion pada tahun lalu. Kemajuan sektor pelancongan ini selain daripada mewujudkan peluang pekerjaan telah menggerakkan perkembangan aktiviti-aktiviti yang berkaitan seperti perkhidmatan pengangkutan, makanan dan penginapan.

3. Sebagaimana kita semua sedia maklum, krisis ekonomi dan kewangan yang melanda negara-negara rantau ini termasuk Malaysia menyebabkan perlunya Kerajaan mengambil langkah-langkah yang lebih inovatif dalam membangunkan ekonomi negara. Selaras dengan dasar bagi mempelbagai dan mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber serta untuk menangani krisis-krisis tersebut, maka amatlah penting kita membangunkan ekonomi negara secara menyeluruh dan memperkukuhkan pertalian di antara berbagai sektor bukan sahaja di antara sektor pertanian dengan sektor pembuatan tetapi juga di antara sektor pertanian dengan sektor pelancongan. Sebagai persiapan untuk menghadapi alaf baru, adalah perlu kita meneliti kekuatan sektor pertanian dan pelancongan dan memaksimumkan sumbangannya untuk faedah kita semua dan bagi generasi akan datang.

4. Sebagaimana kita semua sedia maklum, negara kita pada masa kini mendahului beberapa bidang penyelidikan pertanian tropika. Sehubungan ini, kita perlu menggemblengkan keupayaan dan kebolehan kita untuk meneruskan kecemerlangan dalam penyelidikan dan pembangunan industri-industri dan produk-produk baru pertanian daripada komoditi utama dan sumber semulajadi seperti bunga-bunga, ikan hiasan, produk-produk makanan termasuk herba dan ulam-ulaman serta hasil-hasil kraftangan.

5. Kita juga telah mencatat kejayaan dalam membangunkan pelbagai teknologi baru dalam pembangunan pertanian bersepadu dan pertanian mampan serta amalan-amalan perhutanan untuk memastikan pembangunan yang seimbang daripada segi ekologi. Pada masa yang sama, negara ini kaya dengan sumber semulajadi umpamanya jeram dan air terjun, hutan rimba, taman laut dan alam semulajadi yang boleh dimajukan dengan pelbagai cara termasuk pelancongan. Terdapat pelbagai ekosistem, flora dan fauna yang menarik di negara ini termasuk 15,000 spesies pokok berbunga, 290 spesies mamalia, 150,000 invertabrata dan 4,000 spesies ikan laut yang telah dikurniakan kepada kita. Di samping itu, kira-kira dua pertiga daripada spesies orkid dunia terdapat di hutan-hutan Malaysia. Negara ini juga mempunyai bukit dan gunung yang sesuai untuk tanaman bunga-bunga temperate. Di zaman pemikiran dan teknologi canggih semua ini boleh digunakan secara baik untuk meningkatkan lagi pembangunan pertanian, perhutanan dan pelancongan di samping mengindahkan lagi persekitaran kita.

6. Menyedari akan semua sumber, bahan dan potensi dari alam semulajadi, Kerajaan berpendapat eloklah jika rakyat dan pelawat diperkenalkan kepada warisan kita dan peluang-peluang untuk menambah kekayaan negara dan rakyat melalui satu pertunjukan dan pameran pertanian secara besar-besaran.

7. Mengimbas kembali zaman 60an dahulu, ramai antara kita pasti masih ingat akan satu pameran yang sungguh popular pada masa itu, iaitu Malaysia Agricultural and Horticultural Association Show atau MAHA. Pameran ini telah menarik minat dan sambutan pengunjung-pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat bukan sahaja dari Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan persekitarannya tetapi juga pengunjung-pengunjung dari seluruh negara dan negara asing. Mereka telah datang berpusu-pusu dan dengan penuh minat untuk menyaksikan ternakan yang terbesar, buah-buahan yang termanis, ubi kayu yang paling berat, bunga-bunga yang mempunyai warna-warni yang paling menarik serta binatang dan ternakair yang eksotik. Mereka datang bukan sahaja bagi melihat peralatan pertanian yang terkini tetapi juga untuk

membeli anak-anak benih tanaman seperti buah-buahan, bunga-bunga, kelapa sawit, getah dan sebagainya yang dihasilkan oleh agensi-agensi pertanian, institusi penyelidikan dan pihak swasta. Di samping itu, pengunjung-pengunjung mengambil peluang untuk membeli-belah hasil-hasil pertanian dan barangan makanan selain daripada menikmati hiburan dan persembahan daripada artis-artis yang terkenal pada ketika itu.

8. Konsep pameran MAHA dahulu adalah untuk memberi fokus kepada sektor petani-petani kecil bagi menggalakkan mereka menerima pakai teknologi baru supaya produktiviti dan pendapatan mereka meningkat. Penekanan dan hasrat Kerajaan pada masa itu adalah untuk membangunkan sektor luar bandar dan membasmi kemiskinan. Tetapi dengan kejayaan industri pembuatan tumpuan kepada pertanian selain daripada jenis tumbuhan yang boleh dikomersilkan telah berkurangan. Kegawatan dan resesi telah memaksa kita memberi perhatian semula kepada pengurangan pergantungan kepada bahan makanan yang diimport, dan menggantikan dengan bahan makanan tempatan. Lebih dari itu kita juga disedarkan akan potensi eksport hasil pertanian yang lain selain daripada getah, kelapa sawit dan sebagainya.

9. Dengan tumpuan semula kepada pertanian kita dapati bahawa pertanian secara teratur dan besar-besaran untuk mengeluarkan sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bunga serta ternakan binatang-binatang seperti rusa, burung unta dan lain-lain dan juga ternakan ikan air tawar dan air masin boleh menyumbang kepada ekonomi negara dan membebaskannya daripada pergantungan kepada terlalu banyak makanan yang diimport. Kepakaran kita dalam berdiri dan mengurus estet yang besar boleh membantu kita dalam pembangunan industri pertanian yang lain. Jika kita boleh memajukan getah, kelapa sawit yang bukan berasal dari negara kita tidak ada sebab kenapa kita tidak boleh majukan tumbuhan-tumbuhan lain.

10. Mulai tahun ini, walaupun MAHA akan mengekalkan suasana dan kemeriahan MAHA yang diadakan dalam zaman 60an hingga 70an, ianya akan diubahsuai dengan pendekatan dan aktiviti-aktiviti baru untuk menggambarkan perubahan pembangunan ekonomi serta cara hidup dan citarasa rakyat jelata. Sejajar dengan objektif ini, perayaan MAHA '99 yang akan disambut di peringkat Pusat dan di seluruh negara selama dua bulan mulai 3 Julai akan dimeriahkan dengan Karnival Flora termasuk pameran dan jualan hasil dan produk pertanian dan pelancongan sebagai pembuka tirai. Ini akan diikuti dengan Pesta Flora yang akan diraikan mulai esok dan berakhir pada 11 Julai serentak dengan Karnival Flora. Selain daripada promosi potensi dan destinasi pelancongan, pesta makanan dan minuman yang menonjolkan hasil pertanian khususnya ulam-ulaman dan buah-buahan tertentu; pertunjukan buah-buahan nadir, ternakan eksotik serta sambutan Tahun Melawat Negeri

Sembilan dan Pulau Pinang akan dianjurkan. Sebagai kemuncak sambutan MAHA pula Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan (HPPNK) dan Asia Agricultural Exposition and Convention 1999 (AGEX '99) akan diadakan serentak pada 26 hingga 31 Ogos akan datang di Stadium ini.

11. Saya yakin perayaan MAHA ini akan memberi manfaat kepada semua kumpulan sasar dan pihak yang terlibat dalam pembangunan sektor pertanian dan pelancongan serta sektor-sektor yang berkaitan dengannya. Bagi golongan petani, penternak dan nelayan yang telah menyumbang tenaga mereka sebagai pengeluar makanan negara serta pemaju sektor berasaskan pertanian dan pelancongan, mereka juga boleh memperolehi maklumat yang tidak ternilai mengenai peluang dan potensi pelaburan sektor-sektor berkenaan menerusi Konvensyen Peladang dan menimba pengalaman daripada kejayaan Peladang dan Usahawan Jaya.

12. Para pelajar dan masyarakat umum pula diseru merebut peluang ini untuk mendapat pendedahan dan memperolehi pengetahuan terkini mengenai teknologi dan perkembangan sektor pelancongan, pertanian serta industri berasaskan pertanian di dalam dan luar negara. Pengguna-pengguna pula boleh meraih faedah melalui jualan terus hasil-hasil pertanian dan barangan berasaskan pertanian termasuk kraftangan, cetakan dan tenunan yang akan memberi tambahan pendapatan kepada golongan sasar dan pengusaha yang terlibat.

13. Para cendekiawan yang meliputi pegawai penyelidik, ahli-ahli sains dan akademik juga akan dapat bertukar fikiran dan pengalaman melalui persidangan, seminar, konvensyen dan sebagainya sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Melalui acara MAHA ini, usahawan-usahawan termasuk para pelabur asing, selain daripada memperolehi maklumat berhubung dengan insentif dan potensi pelaburan dalam sektor pertanian dan pelancongan, akan mendapat peluang untuk berinteraksi dan menjalin 'network' dengan para pelabur, pengusaha dan Kerajaan-kerajaan Negeri.

14. Pihak pelancong dan mereka yang terlibat dalam industri pelancongan selain daripada memperolehi maklumat dan pengetahuan terkini mengenai potensi dan destinasi pelancongan dan keindahan Malaysia yang kaya dengan flora dan fauna, akan dapat pendedahan kepada pelbagai sukan rakyat, kebudayaan, adat resam dan cara hidup masyarakat majmuk di negara ini. Mereka juga akan dapat menikmati pelbagai jenis makanan pelbagai kaum, hasil dan keluaran pertanian serta membeli-belah hasil-hasil kraftangan, barangan cetakan dan tenunan.

15. Kehadiran pelancong-pelancong sama ada dari dalam atau luar negeri akan meningkatkan pendapatan sektor

pelancongan daripada segi kemudahan hotel, restoran, pengangkutan, hiburan, pusat-pusat peranginan, lawatan dan pusat membeli-belah. Dengan adanya perayaan MAHA ini, ianya akan membolehkan pelancong-pelancong tinggal lebih lama di negara ini dan mempromosikan Malaysia sebagai tempat persidangan, konvensyen dan pameran antarabangsa. Perayaan MAHA akan dapat menawarkan pelbagai aktiviti yang menarik untuk pelancong sebelum dan selepas persidangan.

16. Dalam hubungan ini, adalah diharapkan pihak swasta akan mempromosikan pakej bagi menarik lebih ramai pelawat dan pelancong luar negara ke Malaysia. Selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan pelancongan domestik pula, aktiviti pelancongan berasaskan pertanian, ekologi, sukan dan rekreasi, membeli-belah dan perayaan seperti Pesta Flora akan dipelbagaikan bagi memenuhi permintaan dan citarasa rakyat tempatan. Konsep Karnival Flora termasuk jualan akan menggalakkan pelancongan domestik serta antarabangsa dan mempromosikan penjualan barangan tempatan. Di samping itu, dengan pelaksanaan projek-projek pertanian dan produk-produk agro-pelancongan seperti dusun buah-buahan, 'farm-stay', 'home-stay', taman laut dan sebagainya akan membantu kita mencapai matlamat Dasar Pertanian Negara serta sasaran ketibaan pelancong yang dijangka meningkat kepada seramai kira-kira 7.6 juta orang dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM12 bilion menjelang tahun 2000.

17. Memandangkan perayaan MAHA ini akan memberi manfaat besar kepada semua golongan masyarakat dan pihak-pihak yang terlibat, saya sekali lagi ingin menyeru semua pihak terutamanya Kerajaan-kerajaan Negeri, pihak swasta dan petani, penternak dan nelayan serta tuan-tuan dan puan-puan untuk turut sama menjayakan perayaan MAHA '99. Menerusi perayaan MAHA ini adalah diharapkan sektor pertanian dan yang berasaskan pertanian serta pelancongan akan dapat meningkatkan pendapatan, menjana pendapatan tukaran asing dan mempercepatkan pemulihan ekonomi serta menjadi pemangkin kepada pembangunan negara.

18. Dengan harapan ini saya dengan sukacitanya merasmikan MAHA '99.